



Gerakan gembira diterima masuk PN

Gerakan menyifatkan penyertaannya dalam Perikatan Nasional (PN) sebagai penghargaan dan keyakinan terhadap parti tersebut.

Presidennya, Datuk Dr.

Dominic Lau Hoe Chai berkata, ia adalah tanggungjawab besar untuk parti itu dalam menunaikan amanah itu.

"Saya mewakili Gerakan, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri dan seluruh barisan kepimpinan PN atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada kami.

"Adalah menjadi suatu tanggungjawab besar untuk Gerakan dalam menunaikan amanah yang diberikan ini," katanya dalam kenyataan di akaun Facebook miliknya.

Pada masa sama, Dominic berjanji akan membantu PN menjadi gabungan politik utama pilihan rakyat.

"Saya juga berjanji dengan seluruh rakyat Malaysia bahawa Gerakan akan terus berkhidmat demi menjaga kepentingan rakyat.

"Gerakan sentiasa berpegang kepada prinsip kesederhanaan dan memastikan bahawa PN akan menjadi sebuah perikatan politik baharu yang juga merupakan pilihan utama rakyat Malaysia," ujarnya.

■ PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyerahkan surat penerimaan kemasukan Gerakan sebagai parti komponen PN kepada Dominic Lau di Putrajaya, semalam. Kemasukan Gerakan sebagai komponen baharu dalam PN telah diluluskan secara sebulat suara oleh Majlis Tertinggi PN.
-GAMBAR FB MUHYIDDIN YASSIN